

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

KEMISKINAN DI MALAYSIA

Fauziana Fauzi @ Mat Rawi
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Selangor, Malaysia

Kemiskinan merupakan masalah sosial paling utama yang melanda dunia sejak sekian lama. Oleh kerana itulah “Pembasmian Kemiskinan” telah dijadikan sebagai Matlamat Pembangunan Lestari 1 oleh Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu. Menurut Bank Dunia, pada tahun 2019, hampir 9.2 peratus, iaitu bersamaan 689 juta penduduk dunia tergolong dalam kumpulan miskin tegar. Kemiskinan tegar merujuk kepada individu yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM1.90 sehari. Peningkatan kadar inflasi telah menyebabkan seramai 71 juta penduduk negara – negara membangun terjerumus ke dalam kancan kemiskinan sejak Mac 2022. Kemiskinan boleh didefinisikan sebagai seseorang tidak memperoleh pendapatan yang dapat memenuhi keperluan asas yang utama, atau tidak mendapat makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan serta tidak dapat memenuhi dan mengekalkan kecekapan fizikal. Sejak merdeka hingga kini, isu pembasmian kemiskinan masih lagi menjadi agenda utama dalam setiap dasar serta hala tuju Malaysia, sama ada dalam pelan jangka pendek mahupun jangka panjang.



Usaha pembasmian kemiskinan di Malaysia terutamanya dalam kalangan kaum Melayu dan Bumiputera telahpun dilaksanakan sejak zaman Tun Abdul Razak lagi. Beliau telah memperkenalkan beberapa dasar utama negara iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Namun, setelah 52 tahun berlalu, agenda pembasmian kemiskinan negara masih belum menemui titik noktahnya. Kemiskinan, terutamanya golongan miskin tegar masih lagi menjadi topik hangat.

Pandemik COVID-19 telah melonjakkan kadar kemiskinan mutlak di Malaysia daripada 5.6 peratus pada tahun 2019 kepada 8.4 peratus pada tahun 2020. Kemiskinan mutlak berlaku apabila pendapatan seseorang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas minimum yang diukur berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK). Sejumlah 12.5 peratus daripada isi rumah dilaporkan memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan. Pandemik juga mengubah komposisi kumpulan pendapatan apabila 20 peratus isi rumah M40 tergelincir ke kategori B40. Kemiskinan akibat pandemik ini adalah salah satu contoh kemiskinan situasi iaitu seseorang jatuh miskin disebabkan oleh keadaan tertentu yang tidak dijangka dan menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan. Kemiskinan situasi juga boleh disebabkan oleh kehilangan pekerjaan, kematian ketua isi keluarga, perceraian, ditimpa kemalangan atau sakit kronik.



Kini, didapati pendapatan penengah bulanan isi rumah negara telah melonjak kepada hampir RM3,000, meningkat sebanyak 32 peratus berbanding tahap sebelum COVID-19. Biarpun angka ini menandakan pemulihan yang ketara dalam usaha menangani kesan pandemik terhadap ekonomi negara, namun kadar kemiskinan masih ketara, terutamanya dalam kalangan wanita, kanak-kanak, serta individu kurang upaya (OKU). Kadar kemiskinan terkini di Kuala Lumpur iaitu negeri terkaya di Malaysia dilaporkan kurang daripada dua peratus iaitu kira-kira 1.4 peratus atau 1.5 peratus sahaja. Namun hasil tinjauan oleh (UNICEF) dari 14 Oktober 2023 hingga 16 November 2023 terhadap isi rumah berpendapatan rendah di Kuala Lumpur mendapati bahawa kadar kemiskinan dalam kalangan ini masih kekal tinggi iaitu pada 41 peratus walaupun angka ini telah mencatatkan penurunan berbanding awal tahun 2021.

Kenaikan harga makanan menyebabkan tekanan kewangan yang ketara kepada isi rumah ini. Lapan daripada 10 isi rumah bergelut untuk menjana pendapatan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas mereka. Sejumlah 90 peratus isi rumah sedang bergelut dengan kesan kenaikan kos sara hidup, terutamanya mengenai harga makanan, manakala kira-kira 50 peratus menganggap keadaan kewangan mereka semakin merosot berbanding 2022. Mereka didapati menguruskan kenaikan kos sara hidup dengan bekerja lebih kuat, lebih lama, melakukan kerja dua kali ganda serta mengurangkan perbelanjaan sama ada untuk barangan tidak penting atau pengambilan makanan. Hal ini akan menyebabkan satu daripada dua kanak-kanak makan kurang daripada tiga kali sehari, sekali gus akan memberi impak kepada kesejahteraan kanak-kanak di masa hadapan.

Kesan kemiskinan dapat dilihat dari aspek sosial dan ekonomi. Perbelanjaan yang amat terbatas terhadap keperluan asas seperti makanan, minuman dan pakaian menyumbang kepada penurunan tahap kesihatan serta kelaparan. Didapati 60 peratus pelajar dari golongan berpendapatan rendah datang ke sekolah dalam keadaan lapar. Faktor kelaparan ini telah mengurangkan 80 peratus fokus pelajar tersebut di dalam kelas di samping meningkatkan sebanyak 62 peratus isu berkaitan tingkah laku, 47 peratus pelajar sering sakit serta menurunkan sebanyak 76 peratus pencapaian akademik. Tidak hanya itu, kemiskinan juga berkait rapat dengan masalah kesihatan mental iaitu tekanan dan depresi, gangguan kecemasan, trauma serta gangguan bipolar. Sebelum pandemik, statistik tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan kira-kira 2.3 peratus rakyat Malaysia atau setengah juta orang mengalami gejala kemurungan. Majoriti individu terkesan adalah daripada golongan B40 (2.7 peratus), diikuti M40 (1.7 peratus) dan T20 (0.5 peratus).

Kemiskinan juga adalah musuh utama kepada kemajuan pendidikan sesebuah negara. Keluarga miskin bandar yang berpendapatan rendah didapati terpaksa menghadkan perbelanjaan pendidikan untuk anak mereka. Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) secara dalam talian di seluruh negara yang bermula pada Jun 2020 juga turut mengakibatkan keciciran dalam kalangan pelajar yang miskin kerana mereka tidak mempunyai peranti dan akses internet untuk berbuat demikian. Justeru, semua pihak harus berganding bahu dalam usaha pembasmian kemiskinan di Malaysia. Sehingga 15 Ogos 2023, kerajaan masih bertungkus-lum menyelamatkan hampir 114,000 keluarga miskin tegar daripada cengkaman kemiskinan. Hal ini adalah bagi merialisasikan sasaran Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang tahun 2025.

Rujukan:

- Anuar Ahmad. (2022). Tangani isu kemiskinan elak jurang pendidikan terus melebar. https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1023687/tangani-isu-kemiskinan-elak-jurang-pendidikan-terus-melebar#google_vignette
- Concern Worldwide Us. (2022). Extreme poverty and hunger: A vicious cycle. <https://concernusa.org/news/poverty-and-hunger/>
- Gerbang MURNInets. ET2-P1 kadar kemiskinan. <https://murninetsv2.planmalaysia.gov.my/cms/penunjukk/17/165>
- Hasan Bahrom. (2004). Remaja dan juvana suatu realiti? "Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme (Sivic 2004)", Hotel City Bayview Langkawi, Kedah. 4 – 6 September 2004 Anjuran: Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Kesihatan mental dan sokongan psikososial ketika pandemik Covid-19. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/06/mhpps-kesihatan-mental-dan-sokongan-psikososial-ketika-pandemik-covid-19>
- Kementerian Ekonomi. (2024). Pendapatan isi rumah, kemiskinan dan perbelanjaan isi rumah. <https://www.ekonomi.gov.my/ms/statistik-sosioekonomi/pendapatan-isi-rumah-kemiskinan-dan-perbelanjaan-isi-rumah>
- Madiha Abdullah. (2024). Kajian UNICEF: Pendapatan isi rumah melonjak, kemiskinan masih ketara. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-unicef-pendapatan-isi-rumah-melonjak-kemiskinan-masih-ketara-469667>
- Muhamad Firdaus Rahim. (2023). Kemiskinan membawa kepada penurunan tahap kesihatan. <https://hellodokter.com/kesihatan/fakta-menarik/kemiskinan-membawa-kepada-penurunan-tahap-kesihatan/>
- Mukhriz Mat Husin. (2024). Majoriti kanak-kanak keluarga B40 di KL hidup dalam kemiskinan. <https://www.sinarharian.com.my/article/663679/berita/nasional/majoriti-kanak-kanak-keluarga-b40-di-kl-hidup-dalam-kemiskinan>
- Nor Azrul Mohd Zin, Noordeyana Tambi, & Jamiah Manap. (2020). Impak kemiskinan bandar terhadap faktor kewujudan golongan belia lewat kembang di institusi pengajian tinggi (IPT). *Akademika*, 90(Isu Khas 1/Special Issue), 21-34. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK1-02>



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com